

Kempen **"ASPIRASI ADAM50"**
Kami Prihatin Terhadap Masa Depan Anak Anda

TERMA & SYARAT ("T & S")

Kempen **"ASPIRASI ADAM50"** ("Kempen") adalah inisiatif Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) (6175-W) untuk memanfaatkan skim pelaburan yang dilancarkan untuk bayi baru lahir iaitu "Amanah Dana Anak Malaysia 2050" ("ADAM50") yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB").

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Kempen **"ASPIRASI ADAM50"**.

- TEMPOH KEMPEN

1. Kempen ini akan bermula dari 15 Januari 2018 hingga 31 Mac 2019 ("Tempoh Kempen"), atau apabila sasaran Kempen telah tercapai, yang mana terdahulu. BMMB juga berhak untuk menukar atau meminda atau melanjutkan Tempoh Kempen jika dianggap perlu.

- KELAYAKAN

2. Kempen ini terbuka kepada semua anak warganegara Malaysia yang baru dilahirkan dalam tempoh yang ditetapkan pada 01/01/2018 - 31/12/2022 ("Anak" / "Pelanggan").
3. Sebagai pra-syarat untuk menyertai Kempen, ibu bapa / penjaga perlu mendaftarkan anak mereka untuk menyertai skim "ADAM50" di mana-mana cawangan BMMB atau mana-mana ejen ASNB yang lain di seluruh negara.
4. Anak kakitangan BMMB (termasuk subsidiari) dan ahli keluarga terdekat mereka yang memenuhi kriteria seperti yang tersebut di atas juga layak menyertai Kempen ini.

- MEKANISMA KEMPEN

5. Ibu bapa/penjaga dikehendaki membuka akaun berikut untuk Anak:-
 - i) Akaun Simpanan-i (Tawarruq) Beestar-i ("Beestar-i");
 - ii) Akaun Muamalat Gold-i Junior ("MGi-Junior")
6. Baucer RM20 akan diperuntukkan dan dikreditkan sama rata (iaitu RM10 untuk setiap akaun) ke kedua-dua akaun yang mengambil bahagian tersebut semasa pembukaan akaun di cawangan BMMB.
7. Kelayakan baucer adalah berdasarkan 'siapa cepat dia dapat' dan hanya terhad untuk Pelanggan yang membuka KEDUA-DUA akaun "Beestar-i" dan "MGi-Junior" sahaja.

- LAIN-LAIN TERMA & SYARAT

8. BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh BMMB, Pelanggan tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada BMMB untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
9. Semua Pelanggan Kempen yang layak adalah secara peribadi bertanggungjawab untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, dan kos pemasangan, jika berkenaan berhubung dengan hadiah dan Kempen.
10. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, ibu bapa/ penjaga Pelanggan adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini beserta terma-terma dan syarat-syarat dari agensi yang dilantik dan dengan secara tidak boleh batal sekali gus membenarkan BMMB untuk mendedahkan informasi mengenai butir-butir Pelanggan kepada pihak lain yang secara langsung atau tidak langsung menganjur serta mempromosikan Kempen ini. BMMB mempunyai hak eksklusif untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Borang Kempen (jika ada), nama dan gambar Pelanggan ialah milik BMMB.
11. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang berharga atau mana-mana kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung secara berterusan oleh Pelanggan yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada penyertaan atau hadiah yang dimenangi dalam Kempen ini atau akibat daripada tindakan atau peninggalan dari bahagian BMMB. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian alam semulajadi, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan BMMB.
12. Bagi perkara yang tersimpan dan tidak terkecuali untuk Terma-terma dan Syarat-syarat khusus Kempen yang tertulis di sini, segala terma dan syarat lain yang termaktub dalam Terma dan Syarat akaun "Beestar-i" dan "MGi-Junior" haruslah diguna pakai.
13. Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan di antara Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris dan terjemahannya, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara terma dan syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan Kempen atau promosinya, Terma dan Syarat di dalam versi Bahasa Inggeris haruslah di guna pakai.

14. **BMMB mempunyai hak sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengubah atau menukar mana-mana Terma dan Syarat dengan notis. Terma dan Syarat boleh berubah atau diubah oleh BMMB melalui posting di laman web BMMB di www.muamalat.com.my atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh BMMB. Ibu bapa / penjaga Pelanggan yang telah mengambil bahagian dalam Kempen dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan dan bersetuju dengan apa-apa perubahan atau variasi kepada Terma dan Syarat. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan berterusan dalam Kempen ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (yang berubah atau diubah).**
15. **Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia.**
16. **Terma dan Syarat ini termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.**